

PADA SUATU MASA DI POS GOB, ULU KELANTAN, GUA MUSANG: NILAI KEHIDUPAN TRADISI MASYARAKAT ORANG ASLI TEMIAR

Anidah binti Alias
Fakulti Teknologi Kreatif Dan Warisan,
Universiti Malaysia Kelantan.

ABSTRAK

Nilai kehidupan tradisi Orang Asli Temiar di Pos Gob, Ulu Kelantan, Gua Musang Kelantan yang mengamalkan budaya kehidupan tradisional yang bersumberkan alam sekitar. Perspektif pembangunan kehidupan tradisi yang jauh dari kemudahan infrastruktur yang lengkap dan moden menjadi platform masyarakat Orang Asli Temiar cecal meneruskan aktiviti harian dan menjadikan lokasi yang mesra alam sejajar banjaran titiwangsa ini satu keistimewaan yang unik. Memiliki daya tarikan warisan amalan cara hidup tradisi, adat resam dan budaya yang diamalkan. Walaubagaimanapun, keindahan sumber alam flora dan fauna yang memiliki sumbangan ke arah pembangunan hidup masyarakat Temiar ini dari sudut agropelancongan dan sosiobudaya ini perlu dipelihara dari anasir negatif yang akan memusnahkan nilai kehidupan tradisi mereka.

1. Pengenalan

Kehidupan Masyarakat Orang Asli di Malaysia sudah menjadi satu perbualan biasa dikalangan warga negara Malaysia tercinta. Namun, sepanjang aktiviti eksplorasi penulis pada tahun 2011 ke lokasi di Pos Gob ini yang ketinggiannya berdekatan dengan banjaran titiwangsa ini banyak informasi yang dapat ditatapi, dirasai dan dihayati yang boleh diintrepetasikan dari sudut nilai kehidupan tradisi suku kaum Temiar ini dalam mengharungi arus kemodenan tetapi masih kental dan cecal menerjah kehidupan hakiki di bumi Pos Gob bersaksikan flora dan fauna dalam menyambung kehidupan seterusnya di bumi bertuah Malaysia.

Hanya bersumberkan bekalan air sungai, berpaksikan bekalan cahaya matahari, bulan dan bintang, unggun api menjadi teman dikala tiada cahaya. Sumber makanan yang diperolehi di sekitar penempatan tempat tinggal sudah mencukupi. Tetapi mereka ini masih bangga meneruskan nilai tradisi kehidupan yang masih kekal walaupun ada anasir luar yang cuba menggegarkan kehidupan tradisi mereka yang boleh menjejaskan jatidiri dan hak mereka sebagai masyarakat Orang Asli yang sudah maklum mempunyai hak-hak yang telah diwartakan di bawah Akta 134.

Hood (2004) menjelaskan bahawa masyarakat Orang Asli adalah sebahagian dari kehidupan kita sebagai manusia yang memiliki hak untuk meneruskan kehidupan adat resam, pantang larang, budaya dan sebagainya. Kehidupan masyarakat Temiar di Pos Gob ini perlu dikekalkan tradisinya supaya menjadi khazanah warisan yang mengekalkan identiti dan jatidirinya.

2. Objektif kertas pembentangan

Secara amnya untuk mengupas nilai-nilai kehidupan tradisi dan keunikan rahsia semulajadi masyarakat Orang Asli Temiar untuk pertama kalinya menyelusuri perkampungan Orang Asli Temiar di Pos Gob, Ulu Kelantan Gua Musang ini.

Objektif pembentangan kertas ringkas ini adalah untuk :

- a) Mengupas nilai-nilai kehidupan tradisi masyarakat Orang Asli Temiar di Pos Gob
- b) Membincangkan pemeliharaan budaya tradisi yang diamalkan untuk generasi akan datang
- c) Mencadangkan potensi yang perlu dikomersialisasikan nilai budaya yang sedia ada
- d) Menyentuh kehendak masyarakat Orang Asli Temiar tentang pembangunan yang sesuai untuk kehidupan semulajadi mereka.

3. Nilai Tradisi

Nilai merupakan komponen penting dalam kewujudan cara hidup sesebuah masyarakat. Manakala tradisi yang diamalkan seharian adalah untuk membawa kepada keamanan, kesejahteraan dan keharmonian masyarakat Orang Asli Temiar itu sendiri. Kehidupan masyarakat disini majoriti menggunakan sumber alam sebagai meneruskan amalan tradisi mereka yang semestinya membawa kepada kesejahteraan kepada kehidupan yang konkrit dan mengangkat nilai pegangan utama dalam amalan hidup masyarakat Temiar ini. Menurut Juli (2006) setiap bahagian alam (alam nyata dan alam ghaib) mempunyai peranan tersendiri untuk masyarakat Orang Asli. Masyarakat Temiar ini mengamalkan tradisi berpaksikan alam sekeliling mereka yang mempunyai roh untuk menaikkan semangat hidup yang jitu.

Nilai-nilai budaya lain yang ada pada masyarakat Temiar disini , mereka ini sangat mesra bila sudah didekati, mudah memberi pertolongan, rajin berusaha, menghormati dan menghargai kewujudan makhluk lain disekeliling mereka, semangat kejiranan yang harmoni dan boleh bekerjasama diantara satu sama lain.

4. Pemeliharaan budaya untuk generasi Pos Gob

Kelestarian budaya kehidupan tradisi ini perlu dikekalkan untuk tatapan dan kesinambungan warisan budaya masyarakat Temiar ini kerana budayanya yang memiliki keistimewaan tersendiri. Pendidikan budaya hidup secara informal yang boleh diterapkan pada golongan kanak-kanak, remaja dan dewasa ini diantara sesama mereka dalam kehidupan seharian masyarakat disini boleh membentuk ahli komuniti yang harmoni dan kekal budayawannya seperti memburu, menanam sumber makanan, menu makanan harian dan cara memasak, wanita mengandung, pantang larang, sewang, penggunaan bahasa

dan cara mereka kekalkan komunikasi berkesan dan harmoni sesama komuniti mereka. Sokongan dari institusi dan agensi luar juga dalam memartabatkan sosiobudaya generasi masyarakat Temiar di Pos Gob ini juga boleh mendatangkan kepada agropelancongan negara dan menyumbang kepada pembangunan sosial untuk ketamadunan masyarakat Orang Asli Temiar ini.

5. Pendidikan *Informal* kanak-kanak dari sudut keyakinan jatidiri yang positif

Penerapan nilai kehidupan yang positif pada masyarakat Temiar di Pos Gob ini, apa yang penulis boleh lihat dari sudut pendidikan fitrah dalam kehidupan mereka ini dimana golongan kanak-kanak berkeupayaan berdikari sendiri berenang di sungai, panjat naik tangga buluh dengan sendiri tanpa pengawasan yang ketat oleh ibu bapa, berjalan pada waktu malam tanpa sepatu dan bergelap tanpa cahaya neon, biasa alah tegal biasa bermain di bawah rumah buluh tanpa berpakaian dan bertemankan binatang peliharaan, permainan yang dicipta dengan kreativiti dan inovasi menggunakan kayu, buluh, tali daun pisang yang sangat kreatif hasilnya.

6. Kekuatan stamina dan fizikal masyarakat Temiar, Pos Gob

Di sini dapat dilihat golongan wanita dan lelaki warga emas memiliki tubuh badan dan stamina yang begitu kental dan sihat. Mereka ini dapat dilihat pada waktu siang akan bekerja masuk ke hutan untuk mengutip segala hasil yang boleh mendatangkan keuntungan untuk kehidupan seharian. Ini mungkin salah satu bagaimana mereka ini untuk mengekalkan kesihatan diusia senja. Tidak kurang juga golongan muda yang juga aktif menjalani aktiviti dengan mencari hasil hutan untuk di jual atau dijadikan sumber makanan. Ada juga terdapat wanita yang selepas bersalin dalam tujuh hari sudah boleh berjalan dan keluar diwaktu malam dengan mengendong anak tanpa menggunakan sepatu. Golongan remaja belia ini juga berkesempatan bermain sepak takraw yang ditelah dibawa dari luar dan mereka ini bermain dengan hebat seperti sudah profesional. Kesungguhan mereka ini boleh dijadikan gambaran kepada generasi muda pada hari ini yang tidak berkesempatan mendalami kehidupan mereka.

7. Nilai komersialisasi fizikal dalam memelihara nilai kehidupan

Usaha kesungguhan dan kreativiti mereka dalam membina rumah buluh menggunakan sumber alam seperti buluh, rotan, daun bertam dan daun kor sebagai teknologi pembuatan rumah buluh menjadi ini boleh dijadikan wakaf yang telah sedia ada di kebanyakan kawasan taman landskap di lokasi pelancongan dan orang awam. Dan kepakaran mereka ini boleh menjana peluang pekerjaan bagi masyarakat Temiar ini. Ini mercu tanda keistimewaan teknologi tradisi masyarakat Temiar disini yang sudah lama memiliki ilmu senibina yang unik dan utuh.

Diantara peralatan tradisonal dan sumber air sungai semulajadi ini boleh dikekalkan untuk memelihara warisan budaya masyarakat Temiar di Pos Gob ini untuk tatapan umum sebagai membuktikan teknologi tradisonal ini boleh mengekalkan identiti ketamadunan komuniti di sini yang sungguh unik dan mempunyai seni estetika yang indah dan mengagumkan.

Keupayaan mereka menghasilkan peralatan yang boleh digunapakai dalam memperkenalkan dalam agropelancongan perkampungan masyarakat Temiar ini seperti peralatan dalam membantu aktiviti seharian yang lengkap dalam *survival* kehidupan mereka secara tradisonal. Seperti gambar yang direkodkan :

Gambar 1 : Ikat kulit rotan pada buluh.



Gambar 2 : Daun bertam sebagai bumbung



Gambar 3 : Dapur api



Gambar 4: kayu rotan sebagai menyagat ubi kayu



Gambar 5 : Peralatan untuk menghasilkan bahan api.



Gambar 6 : Peralatan memburu ikan



Gambar 7 : padi bukit yang di proses secara tradisional



Gambar 8 : Penempatan yang berdekatan sumber air sungai di Pos Gob.



8. Pemeliharaan kehidupan yang selari dengan kehendak semulajadi

Dalam sepanjang pemantauan dan pengalaman merentasi lokasi Pos Gob ini, kebanyakan masyarakat Orang Asli di sini masih kekal memerlukan kehidupan bersumberkan alami untuk meneruskan kehidupan yang telah sebatu dalam jiwa mereka. Hak mereka untuk menduduki bumi bertuah ini wajib dipaksakan bersama pelbagai pihak dan agensi luar yang telus dan jitu bagi memartabatkan kehidupan hak manusia dirasai bersama. Walaupun pihak Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) telah banyak melaksanakan tanggungjawab, tetapi masih perlu adanya pihak dari agensi, jabatan dan institusi lain perlu bersama-sama kita untuk melayari kehidupan masyarakat di Pos Gob ini supaya ia kekal tradisi dalam arus kemodenan.

Jika ia tidak dipelihara kemungkinan kehakisan tradisi hidup seterusnya runtuhnya budaya tradisi masyarakat Temiar ini hilang tanpa identiti dan jatidiri yang boleh jatuh merundum tanpa paksi yang hakiki. Sandaran dan cantelan yang kukuh dan utuh daripada sokongan sesama masyarakat lain di negara ini untuk saling hormat menghormati nilai budaya kehidupan masyarakat Temiar ini supaya satu gagasan tercipta menjadi realiti kehidupan hakiki.

Penerapan dalam proses pendidikan awal secara formal dan tidak formal wajib diperkenalkan dan didedahkan dari peringkat awal persekolahan dan sebagai salah satu subjek pendidikan sekolah supaya golongan ini telah didedahkan kepentingan mengenali nilai kehidupan masyarakat yang ada di bumi Malaysia yang pelbagai bangsa dan keturunan. Contohnya pada hari ini kerajaan Australia di Tasmania telah menjadikan subjek peribumi sebagai subjek wajib di peringkat prasekolah lagi. Kesan dari kemusnahan keaslian identiti masyarakat peribumi Tasmania itu sendiri. Dengan langkah lebih awal pendedahan ini terhadap warga Malaysia di peringkat pendidikan formal akan menyelamatkan dan memelihara bersama nilai kehidupan tradisi yang unik dan relevan.

9. Kesimpulan

Nilai tradisi kehidupan masyarakat Orang Asli Temiar di Pos Gob ini harus menjadi pegangan dan peranan dalam mengadaptasi kehidupan sebenar semulajadi yang sempurna dalam mengharungi pelbagai budaya di luar sana. Supaya identiti dan jatidiri generasi Temiar ini tidak terhakis dan terkubur akibat perkembangan nilai-nilai budaya yang diselangi dengan arus kemodenan seperti *gadget* teknologi yang saling bertukar akibat persaingan untuk mencapai kepuasan bagi menonjolkan budaya kemodenan. Walhal nilai-nilai kehidupan tradisi ini perlu dikekalkan sebagai panduan pengenalan diri dimana ia tidak boleh dijual beli ibarat material yang saling bertukar rupa dan bentuk pada arus kemodenan. Supaya nilai tradisi kehidupan masyarakat Orang Asli di negara ini tidak terjadi seperti masyarakat peribumi Tasmania, Australia yang telah hilang dimata dunia disebabkan jajahan oleh anasir-anasir jahat pada masa lalu.

10. Rujukan

Akta 134 (Pindaan 1974). Kerajaan Malaysia.

Anidah Alias. 2011. Warisan Peribumi (Kesusasteraan, Pelancongan, Kebudayaan dan Pemeliharaan Warisan) di Tasmania, Australia. Tesis Sarjana, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Anidah Alias. 2011. Gambar lokasi di Pos Gob, Ulu Kelantan Gua Musang.
Gambar 1-8 Ogos 2011

Aboriginal and Torres Strait Island Commission (ATSIC). 1997. *Plain English Guide to the Case, Native Title and Land Rights Branch 2nd edition*, Canberra. Pirie Printers. Wik

Fergusson. J.G.M. 1992. *The Environmental Impact Assessment Process And Aboriginal Sites In Tasmania*. Thesis (Grad.Dip.Env.St. (Hons.))--University of Tasmania

JAKOA. 2011. Menyelusuri Perkampungan Orang Asli, Pos Gob. Gua Musang, Kelantan.

Juli Edo. 1988. Agama dan Perubatan Semai. Tesis Sarjana, Univerisiti Kebangsaan Malaysia.

Hood Salleh. 2004. Masa Depan Sosio Ekonomi Orang Asli Dalam Milenium Baru. Seminar Orang Asli 10 Mei 2004.

-